

Pesilat muda berazam kekalkan kejuaraan dunia

► FAKHRURADZI ISMAIL
miismail@sph.com.sg

KALI terakhir Muhammad Hazim Yusli tampil di gelanggang Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia, beliau kembali dengan gelaran juara dunia.

Ketika itu beliau hanya seorang pelajar berusia 13 tahun.

Di Stadium Titiwangsa di Kuala Lumpur, Hazim berjaya menundukkan lawannya, Lin Duc Hoa, 5-0 dalam final Kelas A (39-43 kilogram) dalam Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia Ketiga pada waktu itu.

Kini tiga tahun sudahpun berlalu dan sasaran utamanya pula apabila sekembali berentap di gelanggang kejohanan itu adalah untuk mengekalkan kejuaraan tersebut.

Semangat untuk menjulang pingat emas ditambahkan lagi kerana ini merupakan penampilan terakhir bagi Hazim sebelum melangkah masuk ke peringkat dewasa untuk mengembangkan lagi potensinya.

"Walaupun berasa sedih kerana ini merupakan kali terakhir saya bertanding dalam kejohanan belia, saya akan terus mengejar matlamat utama saya, iaitu untuk memungut pingat emas.

"Oleh itu, saya akan bekerja keras dan memberikan yang terbaik sebelum meninggalkan pasukan silat belia kami," kata Hazim yang akan bertanding dalam Kelas D di pertandingan yang akan berlangsung di Songkhla, Thailand mulai hari ini hingga 29 April.

Malah beliau juga berharap dengan kemenangan itu nanti dapat memberi inspirasi kepada pesilat muda negara yang lain untuk terus meningkatkan nama Singapura dalam persada antarabangsa.

Pelajar tahun pertama Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej West dalam jurusan Teknologi Mekanikal berkata:

"Saya cuba untuk memberikan kata-kata semangat dan bimbingan kepada mereka, seperti mana yang pernah saya perolehi daripada pesilat senior lain sebelum ini.

"Bagi saya, antara resepi kejayaan adalah untuk bekerja keras namun seseorang juga perlu pintar dalam mengatur langkah serangan," ujarnya yang merupakan ang-

gota dalam Suruhanjaya Atlit yang dibentuk Persekutuan Silat Singapura (Persisi) baru-baru ini.

Suruhanjaya tersebut dibentuk sebagai platform bagi pesilat "untuk berhubung, membangunkan lagi potensi, menimba ilmu serta mendengar suara-suara mereka".

Hazim juga bakal berganding sekali lagi dengan Amirul Syafiq Mohamed Faizul dan Muhammad Affiz Md Zakri untuk acara seni berpasukan lelaki. Mereka bertiga berjaya merangkul pingat gangsa di kejohanan yang lalu.

Sebelum ini, Hazim juga berjaya menunjukkan prestasi cemerlang termasuk ketika Kejohanan Pencak Silat Terbuka Belgium tahun lalu di mana beliau membawa pulang pingat gangsa sulung negara.

Anak ketiga dalam empat beradik itu terus menunjukkan kehebatannya beraksi di gelanggang.

Pada September lalu, beliau berjaya merangkul pingat perak dalam kategori Kelas A pada Kejohanan Pencak Silat Asia di Chungju, Korea Selatan.

Mengulas tentang persediaan skuad belia, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican berkata beliau menetapkan harapan mereka dapat mengulangi kejayaan mereka di KL, dengan membawa sekurang-kurangnya dua emas.

"Saya menetapkan sasaran realistik untuk mereka. Minimum dua pingat emas, dan Hazim merupakan antara pesilat harapan kami.

"Walaupun mereka adalah pesilat belia, tapi untuk kejohanan ini saya dan jurulatih tidak memberikan mereka jalan mudah.

"Seperti pesilat lain dalam skuad dewasa, mereka menjalani latihan serupa. Kami ingin mereka mencapai potensi mereka," jelas Sheik Alau'ddin.

Beliau menambah, untuk meningkatkan semangat pesilat mudanya, beliau telah memberikan cabaran kepada mereka.

"Jika mereka berjaya mencapai sasaran kami, saya akan melakukan denda 'squats', tetapi jika mereka gagal, merekalah yang akan didenda," ujarnya.

Rombongan seramai 23 pesilat belia negara telah dinaraikan untuk bertanding dalam kejohanan tersebut.



SEDIA BERTANDING: Hazim berharap dapat mengulangi kejayaannya dan membawa pulang pingat emas tahun ini. – Foto-foto BH oleh ARIFFIN JAMAR

"Saya menetapkan sasaran realistik untuk mereka. Minimum dua pingat emas, dan Hazim merupakan antara pesilat harapan kami. Walaupun mereka adalah pesilat belia, tapi untuk kejohanan ini saya dan jurulatih tidak memberikan mereka jalan mudah.

– Ketua Pegawai Eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

